

Submission date: 02/06/2018

Accepted date: 29/08/2018

**PERBINCANGAN BERKAITAN AGAMA DAN KETUHANAN DALAM FACEBOOK
“WARUNG ATHEIST” DARI PERSPEKTIF LOGIK DAN EMOSI***The Discussion on Religion and God in Facebook “Warung Athiest” from the Logic and Emotional Perspective*Muhamad Faisal Ashaari and Siti Hanisah Sabri
Universiti Kebangsaan Malaysia

faisal@ukm.edu.my

Abstrak

Ateisme merupakan kepercayaan yang menolak kewujudan Tuhan dan menganggap sama tidak relevan. Dengan kemajuan teknologi maklumat pada hari ini, pendukung pemikiran ini lebih agresif mempertahankan pendirian mereka biarpun bertentangan dengan semua agama. Mereka cuba menonjolkan pemikiran mereka kepada khalayak ramai dan secara lebih agresif lagi golongan ini menyerang agama Islam di media sosial terutamanya Facebook. Kajian ini menganalisis perbincangan mereka tentang agama dari dua sudut; Pertama, aspek logik yang dibahagikan kepada fakta dan *logical fallacy*; Kedua, aspek emosi yang dibahagikan kepada menghina, menyindir, mempersenda dan mempersoalkan. Justeru, kajian ini menumpukan kepada salah satu “Kumpulan” Facebook yang menumpukan kepada perbincangan berkaitan dengan ateisme iaitu *Facebook Warung Atheist*. Data diambil secara bertujuan selama empat bulan iaitu dari Ogos hingga November 2017 dan analisis dilakukan secara analisis kandungan. Hasil kajian mendapati mereka banyak menggunakan pendekatan emosi dalam menzahirkan rasa tidak puas hati mereka terhadap konsep keTuhanan serta isu keagamaan terutamanya agama Islam. Dalam masa yang sama, ada segelintir pengguna laman tersebut memberikan pandangan yang dikukuhkan dengan fakta dan sebilangan yang lain menggunakan *logical fallacy* apabila membuat kesimpulan sendiri dalam sesuatu perkara yang jauh dari realiti.

Keywords: ateisme, ateis baharu, logik dan emosi, *Facebook Warung Atheist*.**Abstract**

Atheism is a belief system that rejects the existence of the god and irrelevant of religion. With the advancement of information technology today, advocates of this belief are more aggressive in defending their stand against any belief that certifies the existence of the god. They attempt to disseminate their belief to all people; and more than that, they aggressively attack Islam in the social media especially Facebook. This study analyses their discussion on religion and god from two aspects; the first is the logic that consists of fact and logical fallacy; the second is emotion that is divided into insults, insinuating, meddling and questioning. Hence, this study concentrates one of pages Facebook that focusing on discussions related to atheism namely Facebook “Warung Atheist”. Data were collected for 4 months from August to November 2017 and analysis was done using content analysis. The findings show that they use a lot of emotional approaches in expressing their dissatisfaction with divine concepts and religious issues, especially with Islam. At the same time, a few users of the site give the view supported

by the fact while some others use logical fallacy when they make their own conclusions on certain issue which are far from the reality.

Keywords: atheism, new atheist, logic and emotional, *Facebook Warung Atheist*.

PENGENALAN

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) telah mengubah cara berinteraksi antara manusia. Menurut Edwi Arief (2011), Mukhtar Effendi (2010), dan Nur Qomariyah (t.th), kewujudan TMK sebagai medium komunikasi telah menggalakkan pertukaran budaya merentasi sempadan benua dan menembusi batas dimensi kehidupan penggunanya. Ia juga telah memenuhi fitrah hidup manusia yang saling memerlukan antara satu sama lain bukan sekadar di peringkat tempatan, tetapi di peringkat antarabangsa. Keadaan ini bersesuaian dengan konsep “dunia tanpa sempadan” yang telah dibawa oleh TMK. Ia bukan sekadar memberikan perubahan kepada aspek komunikasi silang budaya dalam sesebuah komuniti, tetapi ia boleh merubah bentuk pemikiran, ideologi dan budaya serta pelbagai elemen dari luar memasuki ruang negara lain tanpa batasan dan kawalan. Media sosial merupakan salah satu aplikasi penting kepada TMK yang sangat menggalakkan interaksi antara manusia khususnya interaksi antara penganut agama. Menurut Benedictus (2016), penggunaan media sosial menjadi semakin popular dan kebanyakan individu saling menyerang, menuduh, melakukan *stereotypes*, bahkan menganggap etnik dan agama mereka yang paling unggul jika ingin dibandingkan dengan agama lain.

Golongan ateis telah merebut peluang TMK secara aktif bagi melebarkan pegangan mereka. Mereka merupakan kumpulan yang aktif dalam media baharu dengan memperkenalkan karya-karya mereka kepada masyarakat. Menurut Kluge (2009), tokoh-tokoh ateis baharu banyak menghasilkan karya penulisan untuk mengembangkan idea pemikiran mereka kepada masyarakat. Mereka menampilkan pendekatan yang menolak secara sedar dan sengaja terhadap keyakinan terhadap Tuhan dan mempercayai perkara yang ‘tidak masuk akal’ atau realiti “*supernatural*”. Emilson (2012) dan LeDrew (2017) menjelaskan bahawa karya yang mereka hasilkan banyak yang bersifat kritikan yang agresif dan bombastic terhadap semua agama termasuk Islam. Penyebaran buku dan penulisan mereka banyak dibantu dengan kehadiran TMK, malahan mereka memanfaatkan ruang dan peluang ini sebaiknya. Mereka telah mewujudkan kumpulan perbincangan tidak formal, laman-laman web seperti ‘*Internet Infidels*’, dan blog-blog bacaan berkaitan ateis dalam mengembangkan idea-idea pemikiran mereka (Edis, 2015).

Terdapat banyak “kumpulan” perbincangan dalam media baharu khususnya dalam Facebook. Antara kumpulan Facebook yang mendapat perhatian ramai ialah *Warung Atheist*. Ia dipercayai banyak disertai oleh orang Malaysia kerana medium utamanya dalam bahasa Melayu dan setakat bulan Mac 2018 ia disertai oleh 5077 ahli. Ahli kumpulan ini menjadikan laman ini sebagai medium untuk berbincang dan bertukar pendapat antara satu sama lain dalam isu yang berkaitan dengan agama dan keTuhanan sama ada secara rasional mahupun secara emosi. Walaupun pihak yang beragama itu ramai, tetapi interaksi serangan lebih tertumpu kepada Islam, mungkin kerana Malaysia merupakan negara Islam dan warung ateis merupakan “kumpulan” yang menggunakan bahasa Melayu.

PERBINCANGAN AGAMA DI ALAM MAYA

Perkembangan TMK yang pesat pada hari ini telah meningkatkan peluang berinteraksi sesama penganut agama biarpun hidup berjauhan. Ia telah memberikan peluang kepada mana-mana pihak untuk berinteraksi dengan agamanya sendiri atau dengan agama lain secara maya. Peningkatan peluang berinteraksi ini telah membuka ruang yang terbuka untuk perbincangan, penerangan, mengemukakan persoalan dan pertanyaan tentang agama sendiri atau agama orang lain. Dengan capaian yang luas ini, sesuatu agama itu dapat berkembang baik dengan kemasukan orang baru dan peningkatan kualiti keagamaan dalam kalangan penganutnya. Begitu juga, ia akan menjadikan sesuatu agama itu lebih relevan apabila *worldview* dan hukum hakam agama berkenaan dapat disesuaikan dengan keperluan semasa. Hukum-hukum baru dapat dikeluarkan dan dalam masa yang sama ia mengekalkan prinsip dan asas yang tidak berubah.

Terdapat beberapa pengkaji yang meneliti hubungan antara agama dan TMK. Misalnya, kajian oleh Bunt (2003) dan Umar dan Samsudin (2010) menyatakan bahawa media baharu telah dimanipulasikan sebagai medium penyebaran oleh pelbagai agama seperti Kristian, Yahudi, Buddha dan Islam. Malahan, media baharu turut dijadikan medium terbesar dalam propaganda agama dan ruang ini telah dimanfaatkan sebagai prasarana penyebaran agama dan komunikasi antara penganut agama terutamanya oleh masyarakat Barat (Bunt, 2003; Campbell, 2006; Helland, 2005). Dengan ini dapat dikatakan bahawa hubungan antara agama dan TMK bergantung kepada keupayaan agama itu sendiri untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran semasa yang menentukannya sama ada terus kekal relevan dalam dunia moden atau sebaliknya.

Cabaran yang terbesar kepada agama apabila berada dalam dunia maya ialah gugatan terhadap autoriti. Beberapa pengkaji berpandangan bahawa kedatangan Internet telah membuka ruang yang sangat luas dan terbuka kepada sesiapa sahaja untuk bercakap tentang agama sendiri atau pun agama lain. Lebih sedekad yang lalu, para pengkaji Barat (Eickelman & Anderson, 1997; Eickelman & Anderson, 2003; Anderson, 2003; Mandaville, 2003) membuat andaian bahawa dengan kedatangan Internet, monopoli pihak berautoriti agama ke atas tafsiran agama akan dipecahkan. Mereka tidak mampu lagi mengawal perbincangan di alam maya dan secara tidak langsung autoriti mereka akan melarut. Ternyata, autoriti dalam Islam terus utuh, namun para ulama Islam perlu menyesuaikan diri dengan persekitaran maya ini dan mengambil bahagian di dalamnya. Islam tidak mempunyai masalah besar dalam isu autoriti di alam maya kerana ia autoriti tidak terletak pada manusia atau pada diri ulama itu, tetapi pada teks al-Quran dan hadis Rasulullah. Namun, hal ini mungkin berbeza dari satu agama ke agama yang lain kerana ada agama yang bergantung kepada teks dan ada yang lebih bergantung kepada manusia. Mana-mana agama yang bergantung kepada elemen keTuhanan yang tidak dapat dipertikaikan, maka ia akan terus kekal. Begitu juga, dengan agama yang berteraskan kepada sistem rasional yang kukuh akan boleh dipertahankan walaupun berada dalam alam maya.

Namun, aspek yang tidak dapat dielakkan ialah perbincangan yang mengandungi elemen perdebatan, perbalahan dan perkelahian antara sesama penganut agama dan dengan penganut agama lain. Beberapa pengkaji seperti Denning (2004); Parker (1998) mendapati, komunikasi antara penganut agama di alam maya telah membuka ruang kepada perbalahan secara emosi dan peperangan lidah secara langsung, malah turut memberi peluang kepada pihak yang membenci sesuatu agama menyerang agama tersebut. Ia bukan masalah alat, tetapi masalah sikap pengguna yang mempunyai niat yang tertentu apabila berada di alam maya. Sekiranya, niat mereka baik, maka perbincangan itu bermanfaat. Sebaliknya, sekiranya niat mereka serong, ia akan membawa kepada perbincangan yang tidak sihat.

Media baharu terdedah kepada manipulasi kerana ia sangat terbuka. Ia tidak semudah media tradisional kerana kebiasaannya media ini dikawal oleh pihak tertentu, iaitu pihak berautoriti. Namun, media baharu berada pada tangan masing-masing yang menyebabkan kesukaran kepada pihak berautoriti untuk mengawal. Untuk melakukan propaganda menerusi media sosial, ia memerlukan kepada perancangan yang tersusun dan menggembelngkan tenaga dari seluruh jenis media serta kempen yang berterusan untuk mencorak dan mengubah minda masyarakat.

BENTUK PERBINCANGAN ANTARA AGAMA DI ALAM MAYA

Pada asasnya, interaksi agama di alam maya boleh berlaku sama ada dalam bentuk lembut dan juga keras. Galley (1996) menyatakan, interaksi dalam bentuk keras boleh dianggap sebagai interaksi serangan yang boleh berlaku dalam tiga bentuk iaitu serangan fizikal, serangan sentatik, dan serangan semantik. Manakala, menurut Nitin et al. (2012) serangan di alam maya diklasifikasikan kepada empat bentuk iaitu serangan secara sindiran, serangan secara rasional, serangan secara emosional serta serangan fizikal. Dengan ini, serangan yang dimaksudkan bukanlah secara bersenjata atau pun dengan cara menggodam sistem komputer agama atau penganut agama yang lain. Serangan itu membawa maksud menimbulkan kekeliruan, salah faham, dan prasangka dengan menggunakan logik sama ada logik mudah atau pun logik yang bersifat falasi (*fallacy*) atau salah. Serangan itu juga membawa maksud interaksi yang menyentuh emosi dengan tujuan menghina, menyindir, mempersendakan dan mempersoalkan ajaran dan hukum hakam Islam. Untuk tujuan interaksi secara logik, ia dapat dibahagikan kepada fakta dan logik falasi.

1. Fakta

Istilah fakta didefinisikan sebagai perkara, hal, keadaan atau peristiwa yang merupakan kenyataan atau sesuatu yang benar dan boleh dibuktikan. Ehniger (1974) menyatakan bahawa fakta sering dipercayai oleh orang ramai sebagai perkara sebenar sama ada mereka telah mengalami sendiri perkara tersebut mahupun perkara sebenar yang dilaporkan oleh orang lain. Menurut Dani (2005) pula, semua fakta menjadi bukti kepada sesuatu penghujahan sama ada dalam perkara yang dicapai menerusi pancaindera seperti perkara yang dilihat oleh mata atau didengari telinga dan telah menjadi kenyataan. Begitu juga dengan aspek logik yang tidak memerlukan kepada penelitian yang mendalam seperti mengaitkan pencapaian dalam pelajaran dengan keputusan peperiksaan.

2. Logik Falasi

Ia bermaksud logik yang salah. Menurut Koszowy (2003), logik falasi (*fallacy*) dapat difahami dalam dua cara iaitu pertama, ralat deduktif dalam pemikiran (kesalahan formal) dan kedua kesilapan semua aktiviti manusia yang muncul dalam wacana argumentatif. Fogelin dan Duggan (1987) pula menyatakan istilah falasi (*fallacy*) adalah istilah paling umum untuk mengkritik sesuatu pernyataan yang mempunyai kecenderungan yang tidak dapat diterima bagi menghasilkan kepercayaan palsu atau tidak berasas. Logik falasi ini termasuk dalam bentuk serangan semantik di mana menurut Schneier (2000) serangan semantik adalah bentuk serangan yang dilakukan dengan menggunakan pelbagai pendekatan dengan matlamatnya adalah untuk menyebarkan maklumat yang salah sehingga menimbulkan kekeliruan, salah faham, perbalahan dan sebagainya kepada komuniti maya. Mereka cuba membuat ralat dan kesimpulan yang salah dari sesuatu pernyataan yang boleh mengelirukan penganut agama lain.

Perbincangan secara Emosional

Perbincangan dalam bentuk emosi yang juga merupakan salah satu bentuk yang digunakan oleh golongan yang benci kepada Islam dalam menyerang Islam di alam maya. Menurut Nitin et al. (2012), interaksi secara emosional adalah cara pengguna untuk menyampaikan mesej yang berbentuk serangan langsung yang melampau seperti mencaci, menyumpah, mengutuk, dan menghina kelompok yang berkomunikasi dengan mereka. Abdul Salam et al. (2010) menyatakan, emosi digunakan adalah untuk membezakannya dengan logik di mana emosi adalah salah satu unsur normal yang digunakan dalam proses berfikir, malah ia turut berkait rapat dengan suatu keadaan di mana kebangkitan perasaan seseorang yang menunjukkan satu reaksi terhadap sesuatu keadaan atau benda yang berlaku (Azizi Yahaya et al., 2005).

Siti Nazifatulhayat (2015) berpendapat, secara amnya ciri-ciri yang boleh dikaitkan dengan emosional adalah seperti mengikut perasaan, menimbulkan kemarahan, mencipta idea, alasan, kemungkinan atau sebab yang boleh menimbulkan emosional seseorang. Ciri-ciri tersebut kebiasaannya akan mempengaruhi pemikiran seseorang untuk menentang sesuatu idea kerana setiap butiran dan alasan yang dikeluarkan adalah berdasarkan emosi yang akhirnya akan membawa kepada pertengkaran antara satu sama lain. Ainon dan Abdullah (1999) turut berpendapat bahawa pelaksanaan ciri-ciri pemikiran emosional ini dianggap semata-mata untuk mencari kelemahan, kesilapan dan kesalahan sahaja dalam mempertahankan hujah dan menyokong atau menentang sesuatu pendapat. Antara pendekatan emosi seperti menghina, menyindir, mempersendakan dan mempersoalkan merupakan aspek yang akan dibincangkan dalam kajian.

Dalam kajian ini, interaksi secara emosi boleh dibahagikan kepada:

1. Menghina

Ia merupakan perkataan mahupun perbuatan mengeji atau memaki serta menyinggung perasaan orang dengan menggunakan kata-kata kesat dengan tujuan untuk merendahkan, memperkecilkan dan memalukan pihak lain. Penghinaan menjadi lengkap dengan penggunaan kata-kata yang kesat dan berterus terang kerana ia cepat menaikkan emosi. Contohnya: “*Azan maghrib cukupla untuk diri kau ja, jangan ganggu orang. SIAL you know SIAL??*”.

2. Menyindir

Ia merupakan perkataan yang diungkapkan secara tidak terus terang untuk mencela atau mencemuh pihak lain. Ia diungkapkan secara halus, termasuklah dengan cara memberi pujian dan kata-kata yang berlawanan dengan fakta atau keadaan yang sebenarnya. Contohnya: “*Otak letak lutut ke? Benda macam tu pun tak boleh nak fikir?*”

3. Mempersendakan

Ia merupakan perkataan yang diungkapkan mahupun perbuatan yang bertujuan untuk mengejek dan mempermainkan pihak lain. Contohnya: “*Hahaha... hitamnya kau!*”

4. Mempersoalkan

Ia merupakan perkataan mahupun perbuatan bertanya yang bertujuan untuk mendapat maklumat dan penjelasan lanjut ataupun untuk membincangkannya termasuklah untuk menimbulkan keraguan atau sekadar ingin mengetahui pendapat seseorang. Contohnya: “*Siapa yang mencipta langit dan bumi? Dan bagaimana kejadian siang dan malam berlaku?*”

Perbincangan Ateis Baharu di Alam Maya

Lebih kurang sedekad yang lalu, muncul gerakan anti-agama dan anti-Tuhan yang dikenali sebagai ‘Ateisme Baru’. Biarpun ateis merupakan gerakan yang telah lama wujud, tetapi pada tahun 2006 pengarang majalah *Wired* edisi November, Gary Wolf telah menamakan gerakan ini dengan ‘Ateisme Baru’ dalam artikelnya yang bertajuk *‘The New Atheism: No Heaven. No Hell. Just Science. Inside the Crusade Against Religion’*. Beliau berpandangan bahawa ia merupakan suatu gerakan baharu yang berpaksikan kepada sains dan gerakan ini berkembang sejajar dengan teknologi maklumat. Ia telah memasuki era baru penentangan terhadap agama secara maya. Ramai pengkaji antaranya Kettell (2016); Armanath (2010); Emilson (2012); LeDrew (2017); berpandangan bahawa ateisme baru merupakan gerakan semasa dan budaya intelektual yang diketuai oleh empat tokoh utama iaitu Richard Dawkins, Sam Harris, Daniel Dennet dan Christopher Hitchens dengan penulisan buku-buku yang berkaitan agama dan Tuhan. Kettell (2016) menyatakan hasil revolusi dalam media dan komunikasi terutamanya peningkatan Internet yang drastik antara faktor berlakunya pertumbuhan ateis baharu sehingga ke hari ini. Internet telah memainkan peranan penting dalam kemunculan golongan ateis sebagai gerakan pemikiran yang kini sebahagian besar aktiviti mereka dianjurkan di atas talian serta wujudnya pelbagai laman web yang memenuhi ahli-ahli pergerakan ateis (Chalfant, 2011). Menurut Cimino dan Smith (2011), kemudahan Internet telah membuka peluang dan ruang baru kepada golongan ateis untuk tampil keluar, bersuara dan bertemu dengan masyarakat secara terbuka.

Secara tidak langsung, keadaan ini membuka ruang kepada aktivis ateis untuk mempromosikan kritikan agama dan bertukar fikiran antara satu sama lain tanpa mengira negara, tempat dan masa (Cimino dan Smith, 2011; Kettell, 2013), serta membentuk pendapat mereka dan beroperasi secara atas talian (Kettell, 2016). Golongan ateis baharu ini memberi tumpuan kepada kesan sosial agama dan mempersoalkan sama ada kepercayaan agama baik untuk masyarakat atau tidak (Craig, 2010; LeDrew, 2017). Aspek utama dan paling penting dalam kritikan mereka adalah menolak Tuhan dan agama dan lebih khusus kepada menolak pegangan terhadap konsep tauhid. Malah golongan ini menganggap agama sebagai suatu yang tidak masuk akal dan berbahaya (Kettel, 2016). Tokoh ateis seperti Dawkins, Harris, dan Hitchens berulang kali memberitahu bahawa tamadun Islam adalah “mundur” dan “tidak bertamadun” serta kehadiran umat Islam di Barat mengancam kemajuan “kita” (LeDrew, 2017). Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa matlamat mereka adalah untuk menyerang agama terutamanya agama Islam dengan menggunakan kemudahan teknologi Internet dan media sosial sebagai medium serangan mereka.

Golongan ateis kini mempergiatkan lagi usaha mereka dalam menyebarkan kepercayaan dan pendapat serta serangan mereka menerusi media sosial Facebook di mana media ini merupakan medium komunikasi yang mendapat sambutan daripada orang ramai tidak mengira bangsa, umur dan negara. Mereka menubuhkan kumpulan khusus untuk mengumpul ahli-ahli ateis malah turut mengalu-alukan orang ramai yang menganut dari pelbagai agama untuk turut menyertai kumpulan tersebut.

Jadual 1: Contoh “Kumpulan” Facebook Ateis sehingga akhir bulan Mac

Bil	Group Facebook	Jumlah Ahli
1	Warung Atheist	5,077 orang
2	Atheist Being	111,589 orang
3	Atheists	16,696 orang
4	Atheists Unite	13,352 orang
5	Atheist and Agnostic Society	20,200 orang

Sumber: <https://www.facebook.com/groups/warong.atheist/>

Jadual 2: Contoh “Halaman” Ateis sehingga akhir bulan Mac 2018

Bil	Pages Facebook	Tarikh Tubuh	Jumlah Followers
1	Atheist Republic	Januari 2012	1,912,024 orang
2	Atheist Intelligence	9 Mac 2013	44,571 orang
3	I am an Atheist	28 April 2012	20,316 orang

Sumber: <https://www.facebook.com/groups/warong.atheist/>

Jadual 1 dan 2 adalah antara contoh sebahagian daripada “kumpulan” serta “halaman” Facebook yang berkaitan dengan ateis dan salah satu kumpulan yang ditubuhkan dari negara Malaysia adalah kumpulan *Warung Atheist*. Kumpulan ini ditubuhkan adalah bertujuan untuk membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan fahaman mereka serta ajaran agama-agama lain, namun apa yang dapat dilihat kebanyakan perbincangan yang berlaku dalam kumpulan tersebut lebih ke arah interaksi serangan terhadap agama terutamanya agama Islam. Golongan ini mengambil kesempatan menyerang golongan pelampau agama dengan dakwaan-dakwaan mereka mengenai ketuhanan dan keagamaan menerusi alam maya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif dalam usaha menjawab objektif kajian. Metodologi kajian yang digunakan ialah kajian kes dengan menggunakan analisis kandungan dalam mengumpul kandungan dan maklumat menerusi laman *Facebook Warung Atheist* sepanjang bulan Ogos hingga November 2017. Kajian ini turut menggunakan persampelan bertujuan dengan memilih *posting-posting* perbincangan berkaitan isu ketuhanan dan agama Islam. Analisis data dilakukan adalah dengan menggunakan skema pengekodan yang telah dibina oleh pengkaji sendiri dengan mengkategorikan bentuk serangan dalam perbincangan laman Facebook tersebut kepada pendekatan logik dan pendekatan yang menyentuh emosi.

DINAMIKA INTERAKSI

Dapatan kajian mendapati bahawa pendekatan logik tidak banyak digunakan dalam interaksi di dalam Facebook *Warung Atheist* berbanding dengan pendekatan emosi. Berikut merupakan jadual mengenai taburan bilangan dan peratusan 131 *posting* perbincangan yang berlaku dalam laman Facebook tersebut sepanjang bulan Ogos sehingga November 2017.

Jadual 3: Taburan bentuk Interaksi dalam *posting* sepanjang bulan Ogos-November 2017 di laman *Facebook Warung Atheist*

Bil	Bentuk Serangan	Ogos	Sept	Okt	Nov	Jumlah	Peratus
1	Logik						
	• Fakta	0	1	1	0	2	1%
	• Falasi	10	8	5	3	26	20%
2	Emosi						
	• Menghina	3	8	3	0	14	11%
	• Menyindir	12	13	17	1	43	33%
	• Mempersendakan	3	7	3	2	15	11%
	• Mempersoalkan	6	13	7	5	31	24%
	Jumlah	34	50	36	11	131	100%

Sumber: <https://www.facebook.com/groups/warong.atheist/>

Berdasarkan kepada Jadual 3, kajian mendapati bilangan *posting* tertinggi yang direkodkan ialah pada bulan Ogos iaitu 50 *posting* menerusi bentuk interaksi secara logik dan emosi. Interaksi berbentuk emosi dengan cara menyindir mendominasi jumlah tertinggi sebanyak 43 *posting* sepanjang tempoh empat bulan tersebut diikuti dengan emosi dengan cara mempersoalkan berjumlah 31 *posting* dan emosi secara mempersendakan dan menghina masing-masing menunjukkan jumlah sebanyak 15 dan 14 *posting*. Seterusnya, interaksi yang berbentuk logik menunjukkan jumlah *posting* sebanyak 28 kali iaitu 21% di mana logik falasi adalah logik tertinggi berbanding fakta dengan jumlah 26 *posting* manakala logik fakta hanya berjumlah 2 *posting* sahaja. Bentuk interaksi ini telah dikenal pasti melalui analisis kandungan yang dilakukan ke atas teks *posting* yang dibincangkan.

Bentuk Serangan menggunakan Pendekatan Logik

Penggunaan bentuk interaksi menggunakan pendekatan logik merupakan salah satu cara yang berkesan dalam membuat argument. Ia akan memudahkan kefahaman kerana bersandarkan kepada sesuatu perkara yang dapat dilihat dan dicapai dengan akal fikiran dengan mudah. Namun, pendekatan logik mudah ini tidak digunakan dalam berinteraksi di *Facebook Warung Atheist*. Mereka lebih banyak menggunakan pendekatan logik falasi yang membuat kesimpulan yang falasi (salah) untuk memberi kekeliruan tentang keTuhanan. Contohnya ialah

1. Pengguna A menulis:

“Tuhan adalah benar atau rekaan dan boleh dikesan atau tidak boleh dikesan. Ini membawa kepada tiga pilihan.

- i. *Jika Tuhan adalah benar dan tidak boleh dikesan, kita tidak akan tahu bahawa dia adalah benar, jadi kita tidak harus mempercayai dia wujud. (Percaya hanya akan menjadi tekaan liar.)*
- ii. *Jika Tuhan adalah benar dan boleh dikesan, kita harus menunggu sehingga dia dikesan sebelum kita percaya dia wujud. Setakat ini tidak ada kes-kes Tuhan dikesan yang disahkan, jadi kita tidak sepatutnya percaya bahawa dia wujud.*
- iii. *Jika Tuhan adalah rekaan dia tidak akan dapat dikesan, jadi kita tidak harus percaya bahawa dia wujud.*

Kita tidak tahu pilihan mana yang benar tetapi tidak penting kerana semuanya membawa kepada kesimpulan yang sama – kita tidak harus mempercayai Tuhan wujud.” (WA, 24 Sep 2017)

2. Pengguna A menulis:

“Aku rasa cukuplah bergaduh Tuhan wujud atau tak. Tengoklah dunia sekarang, kalau ada pun mesti asshole, so tak perlu sembah. Selamat Hari Raya Aidil Adha!” (WA, 1 Sep 2017)

Dalam *posting* di atas, pengguna tersebut menggunakan logik falasi dengan tujuan untuk menimbulkan keraguan terhadap pengguna lain. Dia menyatakan tidak perlu mempercayai Tuhan sehinggalah kewujudan Tuhan dilihat secara mata kasar. Dia menolak bukti logik yang bagi mereka tidak cukup untuk meyakini kewujudan Tuhan. Menurut Smith (2004), golongan ateis tidak mempercayai kewujudan Tuhan dan mereka lebih berpegang kepada perkara yang boleh dilihat dengan mata kasar serta teori-teori sains diambil sebagai bukti kepercayaan dalam hidup mereka (Whitaker, 2014). Di dalam al-Quran turut menyatakan terdapat golongan yang membantah semua kebenaran Tuhan yang dapat dibuktikan melalui pancaindera seperti dalam surah al-An‘am:

وَلَوْ نَزَّلْنَا عَلَيْكَ كِتَابًا فِي قِرْطَاسٍ فَلَمَسُوهُ بِأَيْدِيهِمْ لَقَالُوا أَالَّذِينَ كَفَرُوا إِنَّ هَذَا إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ۝٧

Maksudnya: Dan sekiranya Kami turunkan kepadamu (Muhammad) tulisan di atas kertas, sehingga mereka dapat memegangnya dengan tangan mereka sendiri, nescaya orang-orang kafir itu akan berkata, “Ini tidak lain hanyalah sihir yang nyata.”

(Surah al-An'am 6: 7)

﴿وَلَوْ أَنَّا نَزَّلْنَا إِلَيْهِمُ الْمَلٰٓئِكَةَ وَكَلَّمَهُمُ الْمَوْتٰى وَحَشَرْنَا عَلَيْهِمْ كُلَّ شَيْءٍ قُبُلًا مَا كَانُوا لِيُؤْمِنُوۡا اِلَّا اَنۡ يَّشَآءَ اللّٰهُ وَلٰكِنۡ اَكْثَرُهُمْ يَجْهَلُوْنَ ۝۱۱۱﴾

Maksudnya: Dan sekalipun Kami benar-benar menurunkan malaikat kepada mereka, dan orang yang telah mati berbicara dengan mereka dan Kamu kumpulkan (pula) di hadapan mereka segala sesuatu (yang mereka inginkan), mereka tidak juga akan beriman, kecuali jika Allah menghendaki. Tapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (erti kebenaran).

(Surah al-An'am 6: 111)

Berdasarkan kedua-dua ayat ini, jelas menunjukkan bahawa golongan ini sememangnya menolak semua kebenaran Tuhan meskipun bukti yang nyata ada dan dapat dilihat melalui pancaindera. Apabila mereka menggunakan hujah bahawa kewujudan Tuhan tidak cukup bukti dan kewujudannya tidak dapat dikesan, penghujahan ini bercanggah dengan prinsip Islam dan ia merupakan penghujahan yang berbentuk falasi.

Contoh lain ialah mempertikaikan ayat al-Quran yang kelihatan bercanggah dengan hadis sebagaimana yang ditulis oleh Pengguna B:

“Quran 2:265 menyatakan “tiada paksaan dalam beragama” manakala sebuah hadis pula menyatakan “barang siapa keluar dari agama (Islam), maka bunuhlah dia”. Macam mana ni. Kedua-dua ayat ini saling bertentangan. It’s either latter or former. Sesuatu tidak berjumlah 1 dan 2 pada masa yang sama, sesuatu tidak boleh dikatakan ya dan tidak pada masa yang sama. Namun ramai (Muslim) yang berpendapat bahawa latter itulah yang betul, okay, itu pilihan mereka, tapi apa yang mereka patut sedar adalah mereka telah mengangkat hadis dan meninggalkan Quran dalam hal kebebasan beragama”.

(WA, 12 Ogos 2017)

Posting di atas jelas menunjukkan bahawa Pengguna B menggunakan logik falasi dengan menyatakan percanggahan antara al-Quran dan hadis dalam isu kebebasan beragama. Menurutnya al-Quran membenarkan tiada paksaan dalam beragama manakala hadis pula mengharamkannya. Ini adalah penghujahan yang tidak diterima dalam Islam kerana al-Quran menegaskan tiada paksaan dalam mengajak orang memeluk Islam, tetapi selepas memeluk Islam, mereka terikat dengan undang-undang dan peraturan Islam. Oleh sebab itu, hadis menjelaskan sesiapa yang keluar agama maka ia menjadi murtad dan wajar dibunuh selepas melepasi syarat yang ditetapkan. Pengguna B menggunakan logik falasi sekali lagi apabila dia cuba menjelaskan bahawa ramai orang Islam menerima hadis dari al-Quran.

Kesimpulannya, pendekatan logik falasi merupakan salah satu bentuk interaksi yang digunakan oleh golongan ateis untuk menegakkan hujah mereka. Pendekatan logik yang salah ini mudah dimanipulasi untuk mempengaruhi orang ramai yang mudah mempercayai sesuatu yang bersifat logik, biarpun salah. Ia boleh dibuat dengan cara menumpukan kepada aspek tertentu sahaja berbanding dengan aspek yang lain. Secara tidak langsung ia akan membuatkan pengguna dalam laman Facebook berkenaan terfikir tentang relevan sesuatu isu berdasarkan ulasan yang disampaikan. Perbincangan yang berlaku ini membuktikan bahawa laman sosial adalah antara

salah satu medium yang membolehkan manusia berkomunikasi satu sama lain mengenai sistem kepercayaan atau isu keagamaan masing-masing. Setiap individu yang terlibat dengan interaksi tersebut dapat menyumbang dan berkongsi sesuatu perkara atau pendapat juga pengalaman dengan pengguna lain dan saling bertindak balas antara satu sama lain. Akan tetapi, bentuk interaksi akan berubah mengikut pendekatan yang digunakan oleh pengguna dalam berkomunikasi.

Bentuk Serangan menggunakan Pendekatan Menyentuh Emosi

Melalui pendekatan emosi, pendukung ateis menunjukkan rasa marah, menolak dan kebencian mereka terhadap agama terutamanya agama Islam serta rasa kecewa dan menolak kehidupan beragama. Ia dizahirkan dengan cara menghina, menyindir, mempersendakan dan mempersoalkan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa frasa-frasa ayat yang digunakan dalam *posting* sangat ekstrem dan menggunakan pelbagai perumpamaan untuk menentang sifat ketuhanan, kenabian, keagamaan serta umat Islam dalam keadaan yang sangat mengaibkan dan menampakkan Islam berada di pihak yang salah. Segala bentuk cara untuk membangkitkan keraguan dan memberikan salah faham terhadap Islam. Berikut adalah penjelasan lanjut tentang dapatan bagi setiap menghina, menyindir, mempersendakan dan mempersoalkan.

1. Menghina

Pengguna C menulis:

Apabila orang Islam cuba defend nabi mereka.. putar lagi putar lagi. Begitu senang la dibuktikan. Kalau mcm tu, pada zaman skrg terbukti lah dia sbg sorg yg pedofile.



Waniy Mikhail

Masa zaman nabi org2 arab kafir cuma gelarkan dia org gila, ahli sihir dan sebagainya. Tapi xda sorang pun yg gelar dia pedofil/gila seks.. ini membuktikan pada zaman itu berkahwin di umur sebegini adalah normal. 9 tahun sudah akhil baligh dan 9 tahun waktu itu bukan sama dgn 9 tahun waktu skrg.. Dgn statusnya sebagai nabi, konfem berderet2 anak2 dara sudi kawen dgn bginda tp aisyah satu2nya anak dara yg baginda kahwini. Ahh cakap byk pun x guna dgn org camni. 😊

17 minutes ago · Like · 2

(WA, 29 Sep 2017)

Posting di atas terang-terangan menunjukkan bahawa penulis telah menghina junjungan besar Nabi Muhammad SAW dengan mengatakan bahawa baginda adalah seorang yang pedofile disebabkan perkahwinan baginda dengan Saidatina Aisyah yang ketika itu hanya berusia sembilan tahun. Menurut Zulkifli al-Bakri (2018), berdasarkan hadis-hadis yang terdapat dalam Sahih Bukhari dan Muslim, Baginda telah mengahwini Saidatina Aisyah ketika beliau umur beliau enam tahun tetapi Baginda bersama dengannya ketika berumur sembilan tahun. Perkahwinan di usia muda pada ketika itu tidak dianggap perkara ganjil pada waktu itu dan Baginda SAW tidak dihina dan dikeji oleh masyarakat dan kaum musyrikin disebabkan perbuatan tersebut.

2. Menyindir

Pendekatan menyindir merupakan bentuk serangan paling tinggi yang digunakan dalam interaksi yang berlaku menerusi laman Facebook tersebut. Terdapat *posting* yang menunjukkan penulis menyindir umat Islam dengan isu-isu seperti dosa dan pahala, syurga dan neraka, hukum-hukum yang ditetapkan Allah dan salah satu contoh *posting* seperti yang ditulis di bawah:

Pengguna D menulis:

“*Saya banyak membaca **geng acah alim berkhutbah** di facebook sebab syarikat minyak yg sokong hak LGBT dan bagaimana mereka nak boikot.*

Geng ini tak tahu ke FACEBOOK juga memperjuangkan hak LGBT..?

Kenapa tak boikot Facebook..??

*Atau **fatwa mereka berubah-ubah mengikut hawa nafsu mereka.***”

Ps: Mereka tidak sedar yg kebebasan di Barat itulah membuat agama Islam tersebar luas dan kebebasan inilah yg membuatkan pelarian-pelarian Islam Syria dan Iraq lari mencari perlindungan”.

-Reza Zainal- (WA, 14 Okt 2017)

Posting di atas jelas menunjukkan penulis menyindir mahupun mencemooh umat Islam yang seolah-olah berlagak alim dalam menentang atau memboikot isu LGBT yang diperjuangkan oleh sebuah syarikat minyak. Malah penulis menunjukkan rasa tidak puas hati terhadap umat Islam dengan mengatakan bahawa fatwa umat Islam berubah-ubah mengikut hawa nafsu. Selain itu, ada penulis yang menyindir tentang rukun Islam.

Pengguna E menulis:

“*Rukun Islam yg pertama tudung eh.*”



3. Mempersendakan

Antara pendekatan emosi lain yang digunakan oleh pengguna dalam laman *Facebook Warung Atheist* ini adalah dengan cara mempersendakan isu berkaitan Tuhan dan agama Islam. Ada pengguna yang mengutarakan gambar ataupun karikatur yang berkaitan agama Islam untuk dijadikan bahan senda atau mempermainkan Islam. Contohnya:

Pengguna F menulis:

“*Allah love LGBT*”



(29 Ogos 2017)

Pengguna G menulis:

Tuhan rupanya a woody harrelson ni.



(23 Sep 2017)

Kedua-dua *posting* di atas menunjukkan penulis menjadikan Tuhan sebagai bahan senda mereka dengan mengemukakan gambar yang menyatakan bahawa Allah menyukai LGBT serta gambar yang menyamakan Tuhan dengan rupa manusia. *Posting* tersebut jelas menggambarkan bahawa penulis mempermainkan isu ketuhanan bagi menimbulkan kemarahan umat Islam serta memburukkan lagi Tuhan sebagai Pencipta. Hal ini sama sekali bertentangan dengan agama Islam malah akan menimbulkan kemarahan umat Islam dan menunjukkan bahawa Allah SWT menggalakkan perbuatan jahat sedangkan di dalam al-Quran telah dinyatakan bahawa Allah tidak menyuruh manusia melakukan perbuatan keji sebagaimana firman Allah SWT:

وَإِذَا فَعَلُوا فَحِشَةً قَالُوا وَجَدْنَا عَلَيْهَا آبَاءَنَا وَاللَّهُ أَمَرَنَا بِهَا قُلْ إِنَّ اللَّهَ لَا يَأْمُرُ بِالْفَحْشَاءِ أَتَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ٢٨

Maksudnya: Dan (orang-orang yang tidak beriman itu) apabila mereka melakukan sesuatu perbuatan yang keji, mereka berkata: "Kami dapati datuk nenek kami mengerjakannya, dan Allah perintahkan kami mengerjakannya". Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menyuruh mengerjakan perbuatan yang keji. Patutkah kamu mengatakan terhadap Allah apa yang kamu tidak mengetahuinya?"

(Surah al-A'raf 7: 28)

4. Mempersoalkan

Pendekatan secara mempersoalkan salah satu bentuk interaksi yang digunakan untuk menyerang Islam. Pendekatan ini antara yang kedua tertinggi yang digunakan sepanjang perbincangan dalam laman *Facebook Warung Atheist*. Tujuan *posting* berkaitan persoalan dibangkitkan adalah untuk mengajak pengguna lain turut serta dalam perbincangan mahupun berbahas isu yang dibangkitkan oleh penulis. Pengguna A menulis:

"Aku dah pernah tanya tapi tak puas dengan jawapan diberikan. Lelaki dapat bidadari syurga buat seks semua. Isteri tak jeles ke? Kat dunia pun dah bergaduh sakan sebab ni. Ada orang kata sifat cemburu dipadam di syurga. Kalau macam tu, kiranya di syurga bukanlah kita yang sama seperti di bumi, tetapi telah dimind control oleh Allah?"

(WA, 12 Ogos 2017)

Berdasarkan *posting* di atas, al-Quran telah menjelaskan bahawa Allah SWT memadamkan sifat cemburu di kalangan para penghuni syurga seperti yang disebut dalam firman Allah:

وَنَزَعْنَا مَا فِي صُدُورِهِمْ مِّنْ غِلٍّ إِخْوَانًا عَلَىٰ سُرُرٍ مُّتَقَابِلِينَ ٤٧

Maksudnya: “Dan Kami cabut akan apa yang ada dihati mereka dari perasaan hasad dengki sehingga menjadilah mereka bersaudara (dalam suasana kasih mesra), serta mereka duduk berhadap-hadapan di atas pelamin masing-masing.”

(Surah al-Hijr 15: 47)

Pengguna A menulis:

Jika Alam Semesta tercipta tanpa Tuhan, bagaimanakah rupanya?

Jika Alam Semesta dicipta oleh Tuhan, bagaimanakah rupanya?

Apakah perbezaan dua alam semesta ini pada pandangan anda?

(27 Okt 2017)

Penulis menggunakan pendekatan emosi secara persoalan bagi mendapatkan respons daripada pengguna lain serta ingin mengetahui pendapat mereka yang lain. Malahan, persoalan tersebut jelas menunjukkan penulis ingin menimbulkan keraguan orang ramai berdasarkan respons yang diberikan terhadap persoalan tersebut. Persoalan-persoalan sebegini akan menyebabkan pengguna lain termasuk umat Islam sendiri tertanya-tanya dan keliru dengan setiap isu yang dibangkitkan, dan sememangnya itu adalah tujuan sebenar golongan ateis membangkitkan pelbagai persoalan mengenai isu keagamaan dan ketuhanan di mana mereka menginginkan umat Islam meragui Tuhan dan ajaran Islam itu sendiri.

Berdasarkan *posting-posting* tersebut, ternyata bahawa golongan ateis ini menolak konsep keTuhanan serta konsep keagamaan dalam kehidupan terutamanya agama Islam. Golongan ini menggunakan pendekatan emosi untuk menunjukkan rasa tidak puas hati, marah, kecewa dengan menghina menggunakan kata-kata kesat mahupun cacian sebagai tanda membenci dan memusuhi agama ini. Mereka meletakkan agama Islam serendah-rendahnya dengan penuh beremosi seperti menyindir dan mempersendakan Allah SWT, Nabi Muhammad SAW serta hukum-hukum yang telah disyariatkan oleh Allah SWT tanpa sedikit pun rasa bersalah. Tidak kurang juga, golongan ateis ini gemar mempersoalkan sesuatu isu supaya dapat menjatuhkan agama Islam dengan hujah-hujah logik akal mereka.

Penggunaan emosi dalam sesebuah *posting* turut membantu golongan ateis ini menarik perhatian pengguna Facebook yang lain untuk turut serta dalam perbincangan yang diutarakan. Semestinya *posting* sebegini akan menghangatkan dan merancakkan lagi perkembangan laman Facebook mereka. Semakin ramai yang mengikuti perkembangan mereka bermakna serangan yang dilakukan itu berjaya dan mendapat perhatian daripada pengguna Facebook lain. Malah penggunaan pendekatan emosi ini secara tidak langsung merangsang pengguna yang lain untuk turut mempunyai tanggapan yang sama iaitu memusuhi agama Islam.

KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa bentuk interaksi yang digunakan oleh pengguna laman *Facebook Warung Atheist* terhadap perbincangan yang diutarakan kebanyakannya menggunakan emosi dalam menzahirkan rasa tidak puas hati mereka terhadap konsep keTuhanan serta isu keagamaan terutamanya agama Islam. Dapatan juga mendapati terdapat segilintir pengguna laman tersebut memuatnaik *posting* mengikut logik akal dan pendapat mereka serta membuat kesimpulan sendiri. Justeru itu, implikasi kajian ini dapat mengenal pasti interaksi yang berlaku di antara pengguna laman *Facebook Warung Atheist* dalam membahaskan isu-isu yang diketengahkan berkaitan keTuhanan dan keagamaan. Mereka menggunakan pelbagai cara terutamanya cara yang membangkitkan emosi untuk memberikan keraguan terhadap keTuhanan, atau paling tidak ia membangkitkan rasa marah umat Islam terhadap isu keagamaan dan keTuhanan yang mereka bangkitkan.

RUJUKAN

- Abdul Salam Hj. Yussof, S. N. (2010). *Kemahiran berfikir kreatif, kritis dan inovatif*. Bangi: Pusat Pengajian Umum.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (1999). *Kursus berfikir untuk kolej dan universiti*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Amarnath Amarasingam. (2010). Introduction: What is the new atheism? Dalam Amarnath Amarasingam (pnyt.). *Religion and the New Atheism: A Critical Appraisal*, hlm. 1-8. Leiden: Boston.
- Anderson, Jon W. (2003). New media, new publics: Reconfiguring the public sphere of Islam. *Social Research*, 70(3), 887-907.
- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya & Zurihanmi Zakariya. (2005). *Psikologi kognitif*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Benedictus A. Simangunsong. (2016). Interaksi antara manusia melalui media sosial facebook mengenai topik keagamaan. *Jurnal ASPIKOM*, 3(1), 65-76.
- Bunt, G. R. (2003). *Islam in the digital age: e-Jihad, online fatwas and cyber Islamic environments*. London: Pluto Press.
- Campbell, H. (2006). Religion and the Internet. *Communication research trends*, 25(1), 1-44.
- Chalfant, E. (2011). Thank God i'm an atheist: Deconversion narratives on the Internet. Tesis Sarjana, Fakulti Sains dan Seni, Wake Forest University, North Carolina.
- Cimino, R. & Smith, C. (2011). The new atheism and the formation of the imagined secularist community. *Journal of Media and Religion*, 10(1), 24-38.
- Craig, W. L. (2010). The New Atheism and Five Arguments for God. <https://www.reasonablefaith.org/writings/popular-writings/existence-nature-of-god/the-new-atheism-and-five-arguments-for-god/> [2 Ogos 2018].
- Dani Vardiansyah. (2005). *Filsafat ilmu komunikasi: Suatu pengantar*. Jakarta: Indeks.
- Denning, D. E. (2004). Activism, Hactivism and Cyberterrorism: the Internet as a Tool for Influencing Foreign Policy. Dlm. John Arquilla, David Ronfeldt (pnyt.). *Networks and netwars: The future of terror, crime and militancy*. 239-288. US: Rand Corporation.
- Edis, T. (2015). Finding an enemy: Islam and the new atheism. Dalam Ruqayya Yasmine Khan (pnyt.). *Muhammad in the digital age*. 174-192. Austin: University of Texas Press.
- Edwi Arief Sosiawan. (2011). Penggunaan situs jejaring sosial sebagai media interaksi dan komunikasi di kalangan mahasiswa. *Jurnal Ilmu Komunikasi*, 9(1), 60-75.
- Ehniger, D. (1974). *Influence, belief and argument: An introduction to responsible persuasion*. Glenview: Scott Foresman & Co.
- Eickelman, Dale F. & Anderson, Jon W. (1997). Print, Islam, and the prospect for civic pluralism: New religious writings and their audiences. *Journal of Islamic Studies*, 8(1), 43-62.
- Eickelman, Dale F. & Anderson, Jon W. (2003). *New media in the Muslim world: The emerging public sphere* (2nd ed.). Bloomington: Indiana University Press.
- Emilson, W.W. (2012). The new atheism and Islam. *The Expository Times*, 123(11): 521-528.
- Fogelin, Robert J. and Timothy J. Duggan. (1987). "Fallacies," *Argumentation* 1: 255-262.
- Galley, P. (1996). Computer terrorism; What are the risks? http://www.genevalink.ch/pgalley/infosec/sts_en/terrinfo.html [2 Ogos 2015]
- Helland, C. (2005). Online religion as lived religion: methodological issues in the study of the religious participation on the Internet. *Online-Heidelberg Journals of Religions on the Internet*, 1(1), 1-16.
- Kettell, S. (2013). Faithless: the politics of new atheism. *Secularism and Nonreligion* 2: 61-78.
- Kettell, S. (2016). What's really new about new atheism? *Palgrave Communications* 2: 16099.
- Kluge, I. (2009). The new atheism – A Baha'i perspective. *Light of Irfan Book 13: Irfan Colloquia and Seminars 2012*, 137-202.

- Koszowy, M. (2003). On the concepts of logical fallacy and logical error. *OSSA Conference Archive* 5: 61.
- LeDrew, S. (2017). Faith in Progress: Evolutionism and the New Atheism. Dalam Kurasawa, F. *Interrogating the Social: A Critical Sociology for the 21st Century*. Switzerland: Spinger Nature.
- Mandaville, Peter. (2003). Communication and diasporic Islam: A virtual ummah? Dalam Karim H. Karim (pnyt.). *The Media of Diaspora*, 135-147. London: Routledge.
- Mukhtar Effendi. (2010). Peranan Internet sebagai media komunikasi. *Jurnal Dakwah dan Komunikasi*, 4(1), 130-142.
- Nitin, Ankush, Siddhartha, Kapil Anuj, Sheene, Kanika, Kunal Chawla, Kunal Jain & Manav Bhasin. (2012). Classification of flames in computer mediated communications. *International Journal of Computer Applications*, 14(6), 21-26.
- Parker, Donn B. (1998). *Fighting computer crime: A new framework for protecting information*. New York: John Wiley & Son.
- Schneier, B. (2000). Semantic network attacks. *Communications of the ACM*, 43(12), 168.
- Siti Nazifatulhayat Yusoff. 2015. Keganasan siber menerusi facebook “*murtads in Malaysia and Singapore*. Tesis Sarjana, Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Selangor.
- Smith, W. C. (2004). *Islam in modern history*. McGill University: Princeton University Press.
- Whitaker, B. (2014). *Arabs without God: Atheism and freedom of belief in the middle east*. t.tp.: Create Space Independent Publishing Platform.
- Zulkifli al-Bakri. 2008. *Irsyad al-hadith siri ke-127: Umur Aisyah Ra*. http://www.muftiwp.gov.my/v4/index.php?option=com_content&view=article&id=1455:irsyad-al-hadith-siri-ke-127-umur-aisyah-ra&catid=84&Itemid=425&lang=en [31 Julai 2018].

